



KBS MASTERS GAMES 2025 SUKAN OLAMHRAGA MASTER

LAPORAN



25 - 26 OKTOBER 2025
STADIUM UPM, SERDANG

PENDAHULUAN

KBS Masters Games 2025 – Sukan Olahraga Master telah berlangsung dengan jayanya pada :

Tarikh : 25 – 26 Oktober 2025
Hari : Sabtu dan Ahad
Masa : 7.00 pagi – 6.30 petang
Tempat : Stadium UPM, Serdang.
Selangor, DE

PESERTA

Atlet-atlet master dari semua negeri di Malaysia yang terdiri daripada umur 40 tahun ke atas sehingga 79 tahun telah menyertai dalam Sukan Olahraga Master.

Pasukan-pasukan yang telah mengambil bahagian adalah seperti berikut:

Kedah	Pulau Pinang
Terengganu	Pahang
Sarawak	Sabah
Perak	Selangor
WP Kuala Lumpur	WP Putrajaya
Negeri Sembilan	Melaka
Johor	Kelab Sukan JETS
DBKL	PDRM (Veteran)
PDRM	Fitma Club

PENDAFTARAN

Semua peserta dan pasukan telah mendaftar dan mengutip nombor pada 24 Oktober 2025 (hari Jumaat), mulai jam 2.00 petang, di Stadium UPM, Serdang, Selangor DE. Semua peserta telah dibekalkan dengan **Nombor peserta**,

Buku Pertandingan, Baju T , Beg, Tuala Tangan, Topi , Pouch, Sijil Penyertaan dan air mineral.

Taklimat kepada Pengurus pasukan dan peserta telah diadakan pada 24 Oktober 2025, jam 5.00 petang.

PERJALANAN KEJOHANAN & PENYAMPAIAN HADIAH

Semua acara telah berlangsung dengan licin mengikut jadual yang telah ditetapkan dan Upacara Penyampaian Hadiah telah berlangsung sepanjang 2 hari. Sebanyak 91 acara akhir telah dipertandingkan dan sebanyak 300 buah hadiah pingat telah disampaikan. Semua hadiah telah disampaikan selepas sahaja setiap acara tamat. Pingat yang disediakan oleh JBSN telah mendapat pujian daripada para atlet master.

ELEKTRONIK TIMING

Pada kali pertama Elektronik Timing untuk acara-acara trek telah digunakan. Dengan adanya elektronik timing, keputusan telah diterima dengan kadar yang segera. Dengan itu hadiah pingat dapat disampaikan selepas sahaja acara tamat, tanpa para pemenang menunggu lama. Seperti biasa acara-acara padang mengambil masa yang lama untuk selesai. Walau bagaimana pun upacara penyampaian telah berlangsung tanpa sebarang masalah.

MINUMAN MINERAL UNTUK PESERTA

Semua peserta telah dibekalkan dengan minuman mineral. Minuman mineral telah diedarkan kepada semua peserta individu dan pasukan semasa mereka mengutip no Bib dan bahan-bahan lain.

SIJIL PENYERTAAN

Semua pasukan dan peserta individu telah mendapat Sijil Penyertaan yang telah disediakan oleh KBS. Sijil ini juga mendapat pujian daripada para atlet.

SIJIL PENGHARGAAN

Sijil Penghargaan telah disediakan kepada semua pegawai teknik, pembantu teknik dan urus setia.

KEHADIRAN YANG BERTAMBAH HORMAT MENTERI

Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Hannah Yeoh telah singgah di Stadium UPM pada hari kedua dan telah bersua muka dengan atlet-atlet master. Para peserta sangat gembira berjumpa dengan YB.

UPACARA PENUTUPAN

Upacara penutupan kejohanan telah diadakan pada 26 Oktober 2025, jam 6.00 petang di stadium dan penyampaian hadiah kepada pemenang dalam acara 3000m Lelaki, acara 4 x 100m Lelaki dan Wanita. Upacara Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Presiden POMM, *Encik S. Sivapragasam*, dan Timbalan Presiden *Encik Selamat bin Sarif*.

ACARA 'MIXED RELAY'

Acara lari berganti-ganti campuran terbuka 'mixed relay' telah menarik minat banyak pasukan. Oleh kerana acara ini terbuka dan tidak mengira umur asalkan di antara umur 40 tahun dan 79 tahun, dan gabungan atlet master lelaki dan wanita, maka acara ini telah menjadi acara kegemaran ramai atlet master.

Pelari pertama : 200m (Wanita)

Pelari kedua : 200m (Lelaki)

Pelari Ketiga : 400m (Wanita)

Pelari Keempat : 800m (Lelaki)

KEPUTUSAN RASMI dan GAMBAR PEMENANG

Keputusan rasmi telah diumumkan selesai sahaja setiap acara selesai, dan telah dipamerkan untuk tuntutan semua peserta.

Jurufoto profesional telah mengambil gambar setiap pemenang untuk diedarkan.

PELARI KEBANGSAAN

Sukan Olahraga Master telah menarik penyertaan beberapa orang atlet kebangsaan yang telah mewakili negara dalam Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan SEA dll.

M. Ramakrishnan (M70 - 79)

Mewakili negara dalam Sukan SEA

YBhg Dato' Noorul Ariffin Abdul Mejeed (M60 – 69)

Bekas atlet kebangsaan

Nazmizan Bin Muhammad (M40 – 49)

Bekas atlet Sukan Olimpik

Muhammad Malik Bin Ahmad Tobias (M40 – 49)

Bekas atlet kebangsaan

P. Kuganeswari (W50 – 59)

Bekas atlet kebangsaan

Nokalmah Sanasee (W50 – 59)

Mewakili negara dalam Sukan SEA

YBhg Dato' Syed Mohammad Syed Murtaza (M70 – 79)

Bekas Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM)

TETAMU-TETAMU YANG TELAH HADIR

Berikut adalah Tetamu-Tetamu dari Kementerian Belia dan Sukan yang telah hadir serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang:

- YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia
- YBrs Tuan Mohd Nizan Bin Ismail

(Pengarah, Cawangan Penggalakkan & Pembangunan Sukan, JBSN)

- YBrs Tuan Mohd Uzaini Bin Mohamad Sani

(Pengarah, Cawangan Pembangunan Sosial, Bahagian Pembangunan Belia, KBS)

ULASAN

Pada tahun ini juga terdapat ramai atlet master baharu dalam lingkungan umur 40 - 49 yang mengambil bahagian untuk kali pertama. Selepas menyertai mereka rasa gembira dan mohon untuk menjadi ahli supaya boleh bergiat dengan lebih aktif pada masa akan datang.

KBS Masters 2025, kali kedua ini telah mendapat sambutan yang baik dan semakin menjadi popular terutamanya dalam kalangan atlet berumur 40 – 49 thn. Ini adalah satu tanda yang baik demi kesihatan rakyat negara.

Semua atlet dan pegawai yang menyertai dalam kejohanan ini sangat puas hati dan gembira dengan penganjuran kejohanan. Mereka sangat tertarik dengan hadiah dan penyampaian hadiah, serta perjalanan semua acara mengikut masa. Kata-kata pujian daripada atlet dan pegawai-pegawai pasukan memberi semangat kepada pihak penganjur, khasnya kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Penyertaan oleh beberapa orang atlet kebangsaan yang dianggap muda (40 – 49) thn telah menarik minat ramai orang – peserta dan peminat sukan.

Beberapa performan yang dilakukan oleh atlet-atlet master adalah sangat mengagumkan dan menunjukkan betapa serious atlet-atlet master dalam penyertaan dalam kejohanan olahraga masters.

SEMANGAT KESUKANAN

Terima kasih kepada semua Persatuan Olahraga Master Negeri, semua peserta dan pasukan yang telah menyertai dalam kejohanan ini dengan semangat kesukanan yang tinggi. Semua peserta telah menunjukkan sikap bekerjasama, perpaduan dan toleransi yang amat tinggi.

KELEBIHAN

- Sukan khas untuk atlet-atlet 40 tahun ke atas – merupakan satu pengiktirafan kerajaan terhadap kesejahteraan warga emas
- Yuran pendaftaran yang minima, serta Baju T, Kit peserta, sijil penyertaan sangat dihargai oleh para peserta
- Pengunjungan YB Menteri serta pegawai-pegawai kanan KBS ke venue pertandingan serta berjumpa dengan para atlet telah memberi semangat yang tinggi
- Pegawai-pegawai JBSN yang ditugaskan telah menjalankan tugas dengan penuh komitmen dengan membantu Persatuan Olahraga Master Malaysia mengelola acara ini secara sistematik
- Bantuan kewangan yang diterima awal telah memudahkan persatuan membuat semua persediaan dengan baik.
- Penyertaan beberapa orang bekas pelari kebangsaan telah memberi inspirasi kepada para atlet master

CADANGAN

- Untuk meneruskan usaha yang murni ini untuk memberi peluang kepada atlet master bergiat dengan bersungguh-sungguh untuk menjaga kesihatan diri serta menjadi lebih produktif,
- Adalah elok jika promosi sukan masters dibuat awal dan diberi masa yang secukupnya untuk para atlet bersedia bertanding.

UCAPAN TERIMA KASIH

Persatuan Olahraga Master Malaysia mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri Belia dan Sukan dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, khasnya Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) kerana mengambil inisiatif untuk menganjurkan Masters Games kali kedua di Malaysia . Masters Games semakin mendapat sambutan yang baik.

Terima kasih kepada semua persatuan olahragamaster negeri, kelab-kelab serta individu-individu yang telah menunjukkan minat terhadap sukan masters.

Ucapan penghargaan kepada pegawai-pegawai JBSN yang telah memberi kerjasama, bantuan serta komitmen yang tinggi dalam melaksanakan sukan masters ini, dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan KBS MASTERS GAMES - sukan olahraga master tahun 2025.

S. Sivapragasam, AMW
Presiden,
Persatuan Olahraga Master Malaysia
28 Oktober 2025

**GAMBAR KBS MASTERS GAMES 2015 - SUKAN OLAHRAGA MASTER
TETAMU KEHORMAT**



MASJLIS PERASMIAN KBS MASTERS GAMES 2025



HADIAH PINGAT



MESYUARAT PENGURUS PASUKAN



PENYAMPAIAN HADIAH



ATLET MASTER BERAKSI



